# TATACARA PERMOHONAN KEBUN KOMUNITI

SENARAI SEMAK

BORANG PERMOHONAN

**01 PRA-PERBINCANGAN ANTARA WAKIL PEMOHON KOMUNITI DAN MAJLIS**

Permohonan perlulah dalam jawatankuasa komuniti kawasan tersebut serta mengenalpasti jenis tanaman yang hendak ditanam. JPM mengemukakan senarai semak kepada pemohon untuk dipatuhi.

**02 SURAT PERMOHONAN RASMI DIKEMUKAKAN KEPADA AHLI MAJLIS**

Ahli Majlis akan memberi ulasan dan cop sokongan dalam Borang Permohonan Kebun Komuniti untuk dihantar kepada pihak JPM.

**03 PEMOHON MENGHANTAR DOKUMEN PERMOHONAN KEPADA MAJLIS**

Permohonan yang dihantar hendaklah lengkap sebagaimana senarai semak dan lampiran dokumen berkaitan.

**04 TERIMA PERMOHONAN**

PT terima permohonan dan cap tarikh terima. Kemudian, Pengarah akan minit nama pegawai yang bertanggungjawab.

**05 MEMBUKA FAIL**

1 Hari

Pegawai akan serahkan permohonan yang telah diminit kepada PT untuk dimasukkan ke dalam fail berkaitan. Setelah selesai fail dibuka, PT akan serahkan fail tersebut kepada PPT untuk tindakan.

**06 LAWATAN TAPAK**

2-3 Hari

PPT akan menyemak permohonan dan membuat lawatan tapak. PT akan mengeluarkan memo kepada jabatan dalaman untuk ulasan permohonan.

**07 ULASAN JABATAN DALAMAN**

5-7 Hari

Memo ulasan daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Landskap, dan Jabatan Perancangan Pembangunan berkaitan kesesuaian tapak dan lain-lain.

**08 HASIL LAWATAN TAPAK**

1 Hari

PPT akan mengeluarkan hasil lawatan tapak berdasarkan ulasan jabatan dalaman dan diserahkan kepada Pegawai.

**09 SEMAKAN PEGAWAI**

1 Hari

Pegawai akan membuat semakan dan ulasan keseluruhan permohonan.

**10 PENGESAHAN PENGARAH**

1 Hari

Pengarah mengesahkan ulasan daripada Pegawai, kemudian dibawa kepada Setiausaha untuk persetujuan.

**11 PERSETUJUAN SETIAUSAHA**

3-5 Hari

Persetujuan Setiausaha untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Teknikal dan Perbincangan.

**12 MESYUARAT JAWATANKUASA**

Permohonan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa dan seterusnya mendapatkan keputusan Jawatankuasa Majlis.

**13 MENYEDIAKAN SURAT MAKLUMAN KEBENARAN**

1 Hari

PT akan menyediakan draf surat kebenaran permohonan dan disemak oleh Pegawai.

**14 MAKLUMAN SURAT KEBENARAN**

3-5 Hari

Surat kebenaran akan ditandatangani oleh Setiausaha.

**15 MAKLUMAN KEPADA PEMOHON**

1 Hari

Surat kebenaran permohonan kebun komuniti diserahkan kepada pemohon sebagai bukti kebenaran pihak Majlis menggunakan kawasan berkenaan.

**16 PEMANTAUAN BERKALA**

3 kali setahun

Pemantauan berkala (3 kali setahun) akan dibuat untuk memastikan kawasan dijaga dengan baik.

# Tatacara Permohonan Kebun Komuniti

## Siapa yang terlibat?




## Peranan dalam tatacara permohonan Kebun Komuniti

1



Pemohon

- ✓ Menentukan lokasi kebun komuniti
- ✓ Membentuk ahli jawatankuasa penduduk bagi komuniti
- ✓ Mengenalpasti jenis tanaman yang hendak ditanam
- ✓ Mengisi borang permohonan rasmi
- ✓ Melengkapkan senarai semak
- ✓ Mendapatkan sokongan Ahli Majlis
- ✓ Menghantar permohonan lengkap kepada pegawai PBT

## 2



**Ahli Majlis**

- ✓ Memastikan pemohon mempunyai:
  - struktur jawatankuasa aktif
  - tanaman bersesuaian
  - lokasi bersesuaian
- ✓ Mengeluarkan surat sokongan

## 3



**Pegawai Jabatan**

- ✓ Menerima permohonan melalui proses rasmi
- ✓ Membuka fail permohonan
- ✓ Membuat lawatan tapak
- ✓ Membuat ulasan permohonan
- ✓ Mengeluarkan memo kepada jabatan yang terlibat:
  - Jabatan Perancangan Pembangunan
  - Jabatan Landskap
  - Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- ✓ Memastikan proses pemantauan tiga kali setahun

## 4



**Pengarah Jabatan**

- ✓ Mengesahkan ulasan kebenaran
- ✓ Mendapatkan persetujuan Setiausaha
- ✓ Mengeluarkan surat kebenaran

## 5



**Setiausaha**

- ✓ Mempengerusikan mesyuarat berkala
- ✓ Menandatangani surat kebenaran menggunakan tapak

# Skop Permohonan



## Lokasi

- Kawasan komuniti setempat
- Saiz [929 meter persegi / 10,000 kaki persegi]

## Struktur Organisasi

- Jawatankuasa / Sukarelawan
- Minimum - 5 ahli kebun komuniti
- Kepimpinan dan tadbir urus baik
- Ahli proaktif, komited & bertanggungjawab
- Mempunyai matlamat yang jelas
- Pengukuhan pengetahuan, kemahiran & kepakaran berkaitan kebun komunti
- Mempunyai model rujukan
- Jaringan komuniti tidak terhad
- Pengurusan yang cekap & sistematik

## Tanaman

- Terancang:
  - Jenis tanaman
  - Keselamatan
  - Kebersihan
- Skala kecil
- Hasil pengeluaran adalah:
  - untuk kegunaan sendiri
  - dikongsikan dengan jiran tetangga
  - tujuan pendidikan

## Dokumentasi

- Borang boleh didapati di Jabatan Pembangunan Masyarakat
- Senarai semak dipenuhi:
  - Struktur organisasi
  - Jenis tanaman
  - Lokasi
  - Sokongan Ahli Majlis